



TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERHORMAT
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

MENTERI KERJA RAYA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KOMPLEKS DEWAN BEDAH, ICU
DAN WAD TAMBAHAN HOSPITAL KUALA LUMPUR
(REKA DAN BINA)**

25 SEPTEMBER 2023

Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Dr. Zaliha Mustafa,
Menteri Kesihatan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj.
Ahmad
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan)

Yang Berbahagia Datin Paduka Dr. Rohana Binti Johan
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Yang Berusaha, kontraktor daripada Johawaki Construction
Sdn. Bhd.

Salam Sejahtera

1. Sukacita hari ini kita sama-sama hadir di Majlis Penyerahan Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur yang telah berjaya disiapkan 3 hari lebih awal dari tarikh penyiapan sebenar. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Kerja Raya dan kontraktor, Johawaki **Construction** Sdn. Bhd di atas komitmen yang diberikan untuk melaksanakan projek ini.

2. Projek yang akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini merupakan projek yang telah dinilai kualiti pembinaannya dengan mencapai skor sebanyak 79 peratus untuk Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (Qlassic) serta mendapat pengiktirafan 4 bintang bagi Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pembinaan (SHASSIC). Pencapaian yang diperolehi oleh projek ini merupakan penanda aras yang baik telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaan projek-projek yang berimpak tinggi.

3. Bagi menambahbaik penyampaian projek fasiliti kesihatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, berkuatkuasa Januari 2024, Kursus Sijil Kompetensi Kontraktor Kesihatan (SKKK) akan menjadi syarat wajib bagi kontraktor Gred G7 yang ingin menyertai tender projek projek fasiliti kesihatan di bawah seliaan JKR. Objektif kursus kompetensi kontraktor kesihatan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dalam aspek pengurusan dan pentadbiran khususnya di peringkat Pra dan Pasca Kontrak, mendedahkan kontraktor kepada isu, masalah dan ikhtibar (lesson learnt) serta menjelaskan harapan dan jangkaan Kerajaan terhadap prestasi kontraktor.

4. Dengan itu, peranan kontraktor sebagai Rakan Kongsi Kerajaan dalam industri pembinaan negara dapat ditambah baik untuk sama-sama membangunkan negara tercinta melalui penghasilan projek yang berkualiti serta mencapai hasrat kerajaan yang telah mengeluarkan peruntukan dan hasrat pengguna yang akan menggunakan fasiliti tersebut.

5. Melalui gabungan sistem pengurusan projek yang cekap dan terperinci yang telah lama dibangunkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia sebagai Jabatan Teknikal Negara serta kompetensi kontraktor yang dipertingkatkan, akan menghasilkan penyampaian projek berkualiti sekaligus mengurangkan aduan kecacatan oleh pihak pengguna dalam tempoh aduan kecacatan dan membolehkan fasiliti kesihatan yang diserahkan beroperasi segera secara optimum.

6. Bagi Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan yang bakal diserahkan secara rasminya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia sebentar nanti, saya berharap fasiliti yang terbina memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pihak pengguna. Pihak kontraktor juga diharap dapat mengekal dan meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tempoh tanggungan kecacatan selama dua (2) tahun iaitu sehingga 3 Ogos 2025 kelak.

YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati.

7. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan kepercayaan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia dalam melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan negara. Saya juga ingin memaklumkan bahawa JKR sedang melaksanakan 72 projek fasiliti kesihatan yang kini dalam fasa pembinaan bernilai RM 8.819 Billion. Sehingga 19 Sept.2023, sejumlah 46 projek bernilai RM 3.12 Billion telah berjaya diserahkan oleh JKR kepada KKM.

8. Dikesempatan ini, saya ingin untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya KKM iaitu Pejabat Yang Berhormat Dr. Zaliha Binti Musatafa dan pengurusan KKM selaku pelanggan utama, pihak '*end user*' iaitu pihak pengurusan Hospital Kuala Lumpur yang sudi mencurahkan idea dan pandangan berterusan dalam pembinaan blok baharu hospital ini.

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keseluruhan pasukan projek Jabatan Kerja Raya yang menjadi teraju utama dalam pengurusan dan kawalselia

projek ini, para perunding yang terlibat dalam proses rekabentuk, pengawalan dan pengawasan projek serta pihak kontraktor yang berjaya menyiapkan hospital ini dengan penuh dedikasi dan berkomited tinggi dari mula pembinaan sehingga ke tarikh penyerahan pada hari ini.

Sekian, terima kasih. Salam Malaysia MADANI.